

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada pihak kementerian berhasrat untuk mewajibkan semua agensi Kerajaan dan swasta menyediakan TASKA di Tempat Kerja bagi wanita yang mempunyai anak jagaan di bawah umur empat tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*] dikuatkuasakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah bagi tujuan pendaftaran TASKA dalam memastikan kualiti pengasuhan dan keselamatan kanak-kanak di TASKA.

Kementerian ini amat menggalakkan agar semua agensi kerajaan mahupun swasta menyediakan TASKA di Tempat Kerja. Ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1989 yang menyatakan TASKA di Tempat Kerja boleh disediakan untuk kebajikan kakitangan awam.

Pada tahun 2018, Kementerian ini telah menyasarkan agar semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan dapat menubuhkan TASKA di Tempat Kerja menjelang Januari 2019.

Justeru, pada tahun 2019 sebanyak RM10 juta peruntukan telah disediakan dan sebanyak 65 buah TASKA di Tempat Kerja telah ditubuhkan. Seterusnya pada tahun 2020, sebanyak 32 buah TASKA di Tempat Kerja ditubuhkan dengan peruntukan RM5.03 juta. Namun demikian, akibat penularan wabak COVID-19, dan Perintah Kawalan Pergerakan dari 17 Mac 2020 dan gelombang kedua penularan COVID-19 di negara ini, baki peruntukan RM24 juta daripada Geran Penubuhan TASKA di Tempat Kerja tersebut digunakan bagi tujuan Bantuan Khas kepada Pengusaha TASKA yang terkesan secara langsung dengan PKP.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2020**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan PETRONAS mencatatkan kerugian RM21 bilion pada suku kedua (S2) berakhir 30 Jun 2020 berbanding keuntungan RM14.7 bilion dalam tempoh sama tahun 2019:-

- (a) apakah impak atau kesan negatif atau implikasi kepada ekonomi negara secara amnya dan pelan ekonomi Rancangan Malaysia Ke-12 secara khususnya; dan
- (b) adakah PETRONAS tetap memberi dividen kepada Kerajaan pada tahun ini dan berapa jumlah bayarannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sektor perlombongan minyak dan gas merupakan satu sektor yang penting kepada ekonomi negara. Bagi tahun 2019, sektor ini telah menyumbang sebanyak enam peratus kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dan tujuh peratus kepada jumlah eksport negara. Di samping itu, sektor ini juga merupakan satu sumber hasil kepada Kerajaan Persekutuan yang

penting, di mana hasil petroleum secara purata bagi tempoh 2016-2019 menyumbang kira-kira 20 peratus kepada hasil Kerajaan Persekutuan.

2. Walau bagaimanapun, pasaran minyak mentah global telah mengalami krisis yang belum pernah terjadi sebelumnya pada tahun ini disebabkan oleh kejutan berkembar iaitu kelebihan bekalan dan permintaan lemah ekoran pandemik COVID-19. Harga minyak mentah Brent turut jatuh mendadak daripada purata AS\$64 setong bagi tahun 2019 kepada purata AS\$31 setong bagi suku kedua tahun 2020. Keadaan ini telah menjejaskan pendapatan syarikat minyak dan gas seluruh dunia, termasuklah Petronas.

3. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kumpulan PETRONAS mencatatkan kerugian selepas cukai (LAT) sebanyak RM21 bilion pada suku kedua berakhir 30 Jun 2020 berbanding keuntungan selepas cukai (PAT) RM14.7 bilion dalam tempoh sama pada tahun 2019.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengumumkan unjuran jumlah hasil Kerajaan Persekutuan sebanyak RM244.5 bilion pada tahun 2020 dengan andaian harga minyak mentah Brent sebanyak AS\$62 setong. Namun, krisis pandemik COVID-19 dan kejatuhan harga minyak mentah dunia telah memberi impak yang besar kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

5. Semasa Bajet 2020, hasil petroleum dianggarkan akan menyumbang 20.7% kepada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 berbanding 41.3% pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, sumbangan hasil petroleum dijangka menurun pada tahun 2020 berikutan harga minyak mentah yang lebih rendah.

6. Sehingga kini, harga minyak mentah Brent mencatatkan purata sebanyak AS\$42 setong antara bulan Januari hingga Oktober 2020 iaitu AS\$20 lebih rendah berbanding andaian AS\$62 setong semasa Bajet 2020. Berdasarkan anggaran di mana peningkatan harga minyak mentah AS\$1 setong akan meningkatkan jumlah hasil sebanyak RM300 juta, penurunan sebanyak AS\$20 setong ini dianggarkan akan menurunkan jumlah hasil sebanyak RM6 bilion pada tahun 2020. Penurunan hasil ini

adalah antara faktor yang menyumbang kepada defisit fiskal yang dijangka lebih tinggi pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Memandangkan COVID-19 telah memberi impak yang ketara kepada ekonomi dunia termasuk Malaysia, maka analisis ekonomi yang diguna pakai ketika penyediaan dasar, strategi dan inisiatif Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) perlu disemak semula terutamanya unjuran pertumbuhan ekonomi negara.

8. Sehubungan itu, RMKe-12 yang pada awalnya dijadual dibentangkan pada 6 Ogos 2020 di Dewan Rakyat telah ditangguhkan kepada awal tahun hadapan bagi membolehkan Kerajaan mengambil kira perubahan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19. Selain itu, penangguhan ini dibuat bagi membolehkan lebih banyak sesi libat urus bersama semua pihak berkepentingan diadakan, termasuk kementerian dan agensi, kerajaan negeri serta pakar ekonomi. Langkah ini adalah bagi memastikan inisiatif yang dirangka di bawah RMKe-12 adalah sejajar dengan aspirasi dan dasar semasa yang menjadi tunjang kepada Kerajaan Perikatan Nasional selain memastikan supaya perancangan RMKe-12 dibuat berdasarkan anggaran kedudukan ekonomi dan fiskal yang lebih realistik.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Sejak penubuhan pada tahun 1974, PETRONAS telah membayar RM488 bilion kepada kerajaan dalam bentuk dividen. Pada tahun 2019, jumlah dividen yang dibayar oleh PETRONAS adalah sebanyak RM54 bilion, termasuk dividen khas sebanyak RM30 bilion. Meskipun mencatatkan kerugian pada suku kedua tahun 2020, PETRONAS akan membayar dividen sebanyak RM34 bilion kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.